

# Faktor penyumbang terhadap pencapaian Matematik murid luar bandar

48 6.9.2017 B4

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG & ROSMIDHA MUSTA

**SISTEM** pendidikan yang ada pada masa kini telah diperkenalkan setelah kedatangan British ke Tanah Melayu yang mana pendidikan pada waktu itu merupakan pendidikan yang dijalankan secara tidak formal. Begitu juga halnya pada pendidikan awal Matematik, yang mula-mula diperkenalkan sebagai 'Ilmu Hisab' dan di sinilah juga bermulanya pendidikan Matematik rendah dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Subjek Matematik telah berkembang dan diperbaharui dari semasa ke semasa mengikut peredaran masa atau zaman supaya menjadi lebih sempurna dan pengajarannya berkesan kepada murid. Banyak perubahan yang telah dilakukan dalam pendidikan Matematik, ini adalah bertujuan untuk memenuhi dan merealisasikan objektif dan aspirasi seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Visi 2020.

Matematik merupakan satu subjek teras yang wajib diambil oleh setiap murid sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Namun yang demikian subjek Matematik sering dianggap sebagai satu mata pelajaran yang susah dan sentiasa mendapat rungutan dan aduan dalam kalangan murid yang menganggap bahawa subjek Matematik sukar untuk dipelajari dan dikuasai terutamanya bagi murid yang berada di luar bandar. Pelajar luar bandar juga sering kali dikaitkan dengan pencapaian akademik yang rendah berbanding pelajar yang berada di bandar, begitu juga halnya dengan subjek Matematik. Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada masalah tersebut antaranya adalah disebabkan

oleh kurangnya latihan dalam kalangan murid, ketidakhadiran murid yang tinggi dan peranan ibu bapa di rumah.

Menurut Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof berkata berdasarkan kepada keputusan SPM tahun 2017 jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar mengecil sebanyak 0.03. Nilai GPN bagi pencapaian pada tahun lalu di kawasan bandar adalah 4.89, manakala pencapaian bagi kawasan luar bandar adalah 5.36 iaitu lebih baik berbanding pada tahun sebelumnya 5.44. Walau bagaimanapun menurut beliau dari segi prestasi mata pelajaran, Matematik menunjukkan penurunan yang tertinggi jika dibandingkan dengan mata pelajaran teras yang lain iaitu penurunan sebanyak 0.29.

Sehubungan dengan itu, pelbagai kaedah yang digunakan oleh para pendidik untuk memastikan Matematik dapat dikuasai oleh murid di setiap peringkat sekolah. Salah satu kaedah yang sering dilakukan oleh guru subjek Matematik adalah dengan memberi penekanan yang secukupnya kepada latihan tubi sama ada di sekolah mahupun semasa berada di rumah.

Berdasarkan daripada perkongsian oleh pakar pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad menjelaskan bahawa ada beberapa perkara yang menjadikan Sekolah Cina begitu cemerlang dalam Matematik dan Sains. Antara faktor utama yang membawa kepada kecemerlangan berkenaan adalah disebabkan oleh bentuk pengajaran latihan tubi yang lebih banyak diberikan berbanding amalan biasa di sekolah kebangsaan. Seorang murid darjah empat misalnya, diarahkan oleh guru membuat latihan tubi Matematik antara 50 hingga 100 soalan setiap hari. Di peringkat darjah enam pula, sebuah buku latihan Matematik yang mengandungi

100 muka surat perlu disiapkan dalam tempoh satu minggu sahaja.

Selain itu ada juga pendapat lain yang masih menyokong terhadap penggunaan kaedah latihan tubi ini iaitu pakar motivasi dan juga mantan Pensyarah Cemerlang Ismail Zain. Menurut beliau bentuk pembelajaran seperti latihan tubi masih relevan dan terbukti berkesan meningkatkan penguasaan murid terhadap sesuatu subjek berdasarkan kajian pendidikan yang dijalankan sebelum ini. Konsep belajar latihan tubi ini juga membantu murid menguasai bahan-bahan melalui 'self paced' dan 'self directed' atau pembelajaran terarah sendiri yang merupakan salah satu ciri-ciri pembelajaran bestari.

Dalam Teori Pelaziman Operan Thordike yang telah diasaskan dan diperkenalkan oleh Edward L. Thorndike ataupun dikenali sebagai teori cuba jaya. Dalam kajian itu, beliau telah menggunakan seekor kucing untuk menjalankan kajian. Melalui kajian yang beliau jalankan dibuktikan bahawa pembelajaran merupakan satu proses cuba jaya. Begitu juga halnya dalam pendidikan Matematik iaitu latihan tubi jika diberikan secara berulang-ulang, kesalahan pada awalnya dapat dikurangkan setelah melalui latihan tubi yang berulang-ulang. Perhubungan antara rangsangan dengan gerak balasnya akan semakin bertambah kukuh dan konsep ini dikenali sebagai proses pembelajaran. Thorndike menyarankan bahawa, proses pembelajaran yang dijalankan hendaklah dikawal oleh hukum pembelajaran yang terbahagi kepada tiga iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan. Hal yang demikian kerana, latihan tubi memerlukan rangsangan daripada luar untuk menghasilkan gerak balas yang positif.

Menurut teori ini juga hukum kesediaan adalah merujuk

kepada persediaan yang perlu ada sebelum seseorang individu itu bertindak. Contohnya, murid terlebih dahulu perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan sedia ada yang berkaitan dengan pelajaran pada hari tersebut. Persediaan ini juga menurut beliau termasuklah dari segi fizikal dan juga mental. Manakala dalam hukum latihan ini pula seseorang murid perlu diberi latihan dan pengulangan bagi menghasilkan keberkesanan dalam pembelajaran. Semakin banyak latihan diberi maka semakin kukuh ikatan antara rangsangan dengan gerak balas seseorang murid.

Ketidakhadiran ke sekolah juga merupakan salah satu punca yang telah dikenal pasti sebagai faktor penyumbang kepada masalah pencapaian Matematik yang rendah di luar bandar. Menurut Ahli Parlimen Baram Anyi Ngeud dalam ucapan sempena majlis penyampaian sijil dan insentif kepada murid cemerlang di SMK Tinjar berkata ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam menangani masalah berkenaan dan memastikan anak-anak mereka sentiasa turun ke sekolah, agar tidak berlaku keciciran dalam persekolahan terutamanya di luar bandar. Dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa salah satu alasan kenapa kerajaan mahu ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah ialah bagi memastikan generasi baharu ini memperoleh kerjaya dan berjaya dalam kehidupan mereka pada masa depan serta mampu menyumbang sesuatu untuk negara dan pertumbuhan ekonomi negara suatu hari nanti.

Teori yang menyokong kepada hal itu ialah Teori Fungsionalisme yang diperkenalkan oleh Auguste Comte, Herbert Spencer dan Emile Durkheim yang mana dalam aspek pendidikan Teori Fungsionalisme melihat skop yang begitu luas dengan menghubungkan pendidikan dengan keseluruhan masyarakat

iaitu menghubungkan sekolah kepada keperluan masyarakat. Salah satu keperluan masyarakat adalah dari segi sosio-ekonomi. Sekiranya sosio-ekonomi keluarga lemah, adalah tidak mustahil akan menjadi punca kepada kelemahan prestasi pelajar. Menurut Teori Fungsionalisme, membincangkan perbezaan peluang hidup yang disebabkan oleh kepelbagaian kelas sosial dalam pendidikan. Pelajar yang mempunyai latar belakang kelas sosio-ekonomi yang rendah sering dikaitkan dengan pencapaian akademik yang rendah berbanding dengan pelajar yang mempunyai kelas sosio-ekonomi tinggi. Hal ini adalah disebabkan oleh keadaan hidup yang serba kekurangan dan menjadi faktor penghalang bagi mendapatkan keperluan asas atau keperluan fisiologi sekali gus menjadikan pelajar tidak berminat untuk pergi ke sekolah.

Selain daripada latihan tubi dan ketidakhadiran ke sekolah yang disebabkan oleh faktor ekonomi ibu bapa juga memainkan peranan yang amat penting terhadap pencapaian akademik murid, begitu juga halnya dalam subjek Matematik. Sebenarnya pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi memperbaiki mutu pendidikan luar bandar. Salah satu usaha kerajaan adalah dengan mewujudkan satu inisiatif kebangsaan iaitu sarana ibu bapa yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak sama ada di sekolah mahupun luar sekolah demi kecemerlangan masa depan negara.

Teori yang dikaitkan dengan faktor ekonomi ialah Teori Humanistik yang juga dikenali sebagai Teori Herarki Keperluan Maslow atau teori Motivasi Manusia yang diasaskan oleh Abraham H. Maslow. Teori ini melihat kepada nilai-nilai kemanusiaan dalam perkembangan potensi individu. Konsep humanistik

juga sangat penting kerana ia melihat beberapa aspek iaitu dari segi nilai manusia, hak individu, tindakan diri dan harga diri dalam sesuatu tindakan yang diambil. Teori ini juga berpendapat pembelajaran manusia bergantung pada emosi dan perasaannya serta individu akan berusaha untuk memenuhi keinginan bagi mencapai kecemerlangan sendiri.

Dalam konteks pendidikan pula, Pendekatan humanistik menekankan kepada keperluan fisiologi iaitu keperluan yang paling asas. Sekiranya ibu bapa tidak dapat memenuhi keperluan asas anak mereka seperti makanan minum dan tempat tinggal yang sempurna, maka murid akan kurang memberi tumpuan di dalam kelas dan ini secara tidak langsung akan mengganggu proses pembelajaran murid semasa berada di sekolah. Selalunya ibu bapa yang menghadapi masalah status sosio-ekonomi rendah tidak akan dapat memenuhi keperluan asas yang secukupnya kepada anak mereka dan ini mengakibatkan murid tidak bermotivasi untuk meneruskan pelajaran mereka.

Secara tuntas dapat dirumuskan di sini, bahawa pencapaian dalam subjek Matematik khususnya bagi kebanyakan murid luar bandar memerlukan komitmen yang tinggi daripada murid itu sendiri dan daripada ibu bapa berdasarkan kepada huraian yang telah dinyatakan. Diharapkan pada masa akan datang pencapaian akademik dalam Matematik antara luar bandar dan bandar akan semakin mengecil dan sekali gus dapat melonjakkan pencapaian subjek Matematik di peringkat kebangsaan.

-----  
\* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah